

KKE UMS Anjur Kejohanan Silat Pahlawan Dirgahayu

Terakhir dikemaskini: Isnin, 04 November 2019 15:45 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 47

[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


ISNIN,

4

NOVEMBER - Kolej Kediaman Excellent (KKE), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menjayakan penganjuran Kejohanan Silat Pahlawan Dirgahayu yang berlangsung di Dewan Taekwondo, UMS baru-baru ini.

Menurut kenyataan daripada Kelab Silat Kalimah Malaysia KKE selaku pengajur kejohanan, acara tersebut yang berlangsung selama empat hari bertujuan memberi peluang kepada peserta untuk menunjukkan kemahiran dan membuktikan kebolehan masing-masing dalam sukan pencak silat.

"Kejohanan ini juga adalah sebagai usaha memberi pendedahan kepada peserta dan penonton mengenai kepelbagaiannya gerak dalam seni silat, selain membantu dalam meningkatkan ketahanan mental dan fizikal peserta melalui pertandingan yang diadakan.

"Ini juga mampu menjadi platform dalam merapatkan hubungan antara pesilat-pesilat dalam kalangan ahli Kelab Silat Kalimah dari seluruh Malaysia," demikian menurut kenyataan itu.

Kejohanan tersebut dibahagikan kepada 11 kategori untuk lelaki dewasa, tujuh kategori untuk wanita dewasa, 10 kategori untuk lelaki remaja, dan tiga kategori untuk perempuan remaja melibatkan pesilat dari seluruh negara dan Brunei Darussalam.

Hadiyah bagi pemenang setiap kategori disampaikan oleh Penolong Pendaftar Kanan UMS, Matusup Hj Rasid.